

10/12/1998

Pemaju wajib sedia kawasan jemuran

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua bangunan bertingkat yang akan dibina di sekitar ibu kota wajib dilengkapi kawasan khusus meletak peralatan penghawa dingin dan jemuran yang terlindung.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata langkah itu bertujuan memastikan kebersihan serta kekemasan kawasan dan bangunan terbabit.

Beliau berkata, peraturan baru itu adalah antara peruntukan pada pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Berikutan itu, katanya, semua pemaju projek pembinaan bangunan bertingkat di ibu kota perlu memperuntukkan kawasan itu dalam reka bentuk bangunan sebelum mendapat kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Mengikuti pindaan itu, DBKL juga berkuasa mengubahsuai pelan asal yang sudah diluluskan jika bangunan itu belum dibina," katanya kepada pemberita dalam pertemuan di pejabatnya selepas Mesyuarat Kabinet, di sini hari ini.

Dr Ting berkata, pihaknya juga mengemukakan cadangan untuk menguatkuasakan peraturan baru itu di seluruh negara, termasuk aspek pemasangan jeriji di setiap premis kediaman.

Beliau berkata, cadangan itu sudah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pertimbangan dan kelulusan.

"Kementerian diminta mengkaji ketiga-tiga cadangan ini - kawasan menjemur, tempat meletak penghawa dingin dan pemasangan jeriji, hasil perjumpaan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan golongan profesional beberapa tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menjangka undang-undang terbabit akan diwartakan pada awal tahun depan selepas kelulusan itu dikeluarkan.

Mengenai kempen pemotongan harga rumah yang diadakan oleh Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) mulai 12 Disember depan, beliau berkata ia adalah usaha yang baik yang dapat membantu pemilikan rumah oleh rakyat.

Beliau berkata jika sambutan yang menggalakkan, kementerian berharap pihak HDAM dapat menganjurkan kempen itu di negeri lain.

Mulai 12 Disember hingga 12 Januari tahun depan, seramai 176 pemaju perumahan yang berdaftar dengan HDAM akan menyertai kempen pemilikan rumah dan bersetuju memberi harga yang istimewa.

Pembeli Bumiputra akan menikmati pemotongan istimewa sekurang-kurangnya 15 peratus daripada harga rumah, manakala potongan 10 peratus diberikan kepada semua kaum ketika kempen itu berlangsung.

(END)